



**Nestlé** Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Shah Alam, 25 Januari 2023

### **Program Kitar Semula Komuniti Nestlé Malaysia Capai 112,000 Isi Rumah di Selangor**

*Program Kutipan Sisa Syarikat Diperluas Ke Kawasan Luar Bandar Menerusi Inisiatif Kita Recycle (KitaR)*

**SHAH ALAM, 25 Januari 2023** – Dalam usaha mewujudkan negara Malaysia yang bebas sisa buangan, Nestlé Malaysia telah meluaskan lagi inisiatif kitar semula komuniti anjurannya dengan pelancaran Program KitaR. Dengan matlamat menyokong Program Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu yang dikendalikan selama ini, KitaR ialah sebuah inisiatif perintis yang bertujuan menambah baik pengurusan sisa dan meningkatkan keupayaan kutipan dan kitar semula sisa plastik dalam kalangan komuniti luar bandar.

En Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Sebagai pengeluar makanan dan minuman yang terkemuka, Nestlé Malaysia memberikan komitmen penuh untuk mencetus perubahan positif dalam masyarakat termasuk membina masa depan yang lebih lestari buat semua. Antara usaha ini termasuk tindakan meningkatkan kesedaran alam sekitar dan memperkasakan masyarakat untuk menguruskan sisa dengan lebih baik. Kami telah mencapai kemajuan besar dalam inisiatif pengutipan, pengasingan di sumber, dan kitar semula kami dan sukacita saya berkongsi bahawa kami telah mencapai sebanyak 112,000 isi rumah di Lembah Klang, jauh mengatasi sasaran awal kami untuk mencapai 100,000 isi rumah menjelang akhir 2022.”

“KitaR ialah lanjutan daripada usaha berterusan kami, yang kami percaya akan menjadi platform terbaik untuk membantu meningkatkan aktiviti pengasingan dan pengutipan sisa di kawasan luar bandar. Kunci kepada usaha meningkatkan kadar kitar semula di Malaysia ialah dengan melibatkan segenap lapisan masyarakat dan kami berharap untuk terus meluaskan program kitar semula kami kepada lebih banyak komuniti luar bandar

pada masa depan. Kami telah bermula di Shah Alam dan berasaskan projek perintis tersebut, kami akan meluaskan lagi program ini pada tahun yang mendatang.”

Program KitaR yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), KPT Recycle Sdn. Bhd. dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Sungai Kandis (MPKK), telah dilancarkan di Kampung Sungai Kandis, Shah Alam, pada Disember 2022. Ini menyusuli fasa perintis yang diadakan selama lapan minggu, yang menyaksikan 251kg bahan kitar semula dikumpulkan dari 124 isi rumah di Kampung Sungai Kandis dan 750 isi rumah di Kampung Jalan Kebun, Shah Alam. Program tersebut telah diperluaskan untuk merangkumi 1,600 kediaman di Kampung Sungai Kandis, dengan kutipan kitar semula dari pintu ke pintu dilakukan pada hari Sabtu dan Ahad menggunakan motosikal tiga roda.

Tuan T.S Mohd Azmi Bin Amir Khan, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam, MBSA berkata, “Berikutan kejayaan kerjasama kami dengan Nestlé dalam Program Kutipan & Kitar Semula Pintu ke Pintu, kami teruja kerana sekali lagi dapat bekerjasama untuk menangani cabaran kutipan sisa di kawasan luar bandar dan pinggir bandar di Shah Alam. Kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan membolehkan kami meningkatkan keupayaan kitar semula untuk semua segmen masyarakat, bagi memupuk amalan kitar semula dan pengurusan sisa yang lebih baik dan bertanggungjawab.”

Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah Zarwazi Bin Khatib, Ketua Kampung Sungai Kandis. Beliau mengulas, “Kami menghadapi masalah pengurusan sampah di kampung kami kerana jalan terlalu kecil untuk dilalui kenderaan besar dan tong-tong komuniti perlu ditempatkan di jalan utama. Perkhidmatan kutipan dari pintu ke pintu akan memudahkan orang-orang kampung untuk membuang sampah mereka secara bertanggungjawab, dan saya berharap ia akan mendorong mereka menjadikan kitar semula sebahagian daripada amalan harian mereka.”

KitaR ialah satu daripada lima inisiatif Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) yang diterajui oleh Nestlé Malaysia di bawah Projek SAVE, dengan matlamat mewujudkan model ekonomi kitaran berdaya maju bagi pembungkusan pasca pengguna, sejajar dengan komitmen untuk memastikan tiada pembungkusannya, termasuk plastik, memasuki tapak kambus tanah atau dibuang sebagai sampah sarap. Sejak 2020, Nestlé Malaysia telah mengumpulkan 7,000 tan sisa pembungkusan pasca pengguna menerusi inisiatif plastik neutral di bawah projek ini, termasuk Program Kutipan Plastik Klang, Projek CARETon dan Program Kutipan & Kitar Semula Pintu ke Pintu.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih daripada 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih daripada 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami dalam menjana khasiat rakyat Malaysia selama lebih daripada seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

Bimbit: +6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Farah Iman atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6012-221 8216 (Farah) atau

E-mel: +6017 237 9048 (Yasmin)

[acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)